


TANDA-TANDA BACAAN RESAM UTHMANI

A. TANDA-TANDA WAKAF


1. WAJIB BERHENTI
2. HARAM BERHENTI
3. BERHENTI SEKETIKA
4. PILIHAN

Hukum	Wakaf
1. Wajib berhenti	<p>"Mim"</p> <p>Mesti diwaqafkan bacaan padanya. Sekiranya dibaca secara washol (sambung), ia akan menjejaskan makna ayat yang dibaca. Waqaf ini dipanggil waqaf lazim.</p> <div data-bbox="409 919 1034 1304"><p>[76] Maka janganlah engkau (wahai Muhammad) berdukacita disebabkan tuduhan-tuduhan mereka (terhadapmu). Sesungguhnya Kami sedia mengetahui apa yang mereka sembunyikan dan apa yang mereka nyatakan.</p></div>
2. Haram berhenti	<p>"Lam Alif"</p> <p>Laa' dalam bahasa Arab bererti tidak. Tanda wakaf ini ialah 'lam alif'</p> <div data-bbox="409 1486 1099 1635"></div>

3. Berhenti seketika


“Siin”

Tanda saktah ialah ‘siin’ kecil. Tahan nafas selama dua harakat (dengan melipatkan dua jari) kemudian disambung kalimat haa-dzaa menggunakan nafas yang sama




4. Pilihan


tanda ‘qaaf-lam-ya’ Berhenti lebih baik




tanda ‘shaad-lam-ya’ Menyambung bacaan lebih baik



tanda ‘jiim’ kecil Wakaf Jaa-iz. Harus berhenti atau menyambung bacaan





Tanda titik tiga Berhenti pada salah satu tempat



B. TANDA-TANDA BACAAN

1. ALIF KECIL
2. WAU DAN YA KECIL
3. SHIFR (SIFAR)
4. ROMBUS
5. ALIF LAM QATHO'
6. ALIF LAM WASHOL
7. ALIF LAM
8. LAFZU AL JALALAH (ALLAH)

Tanda	Hukum
Tanda alif kecil	Dibaca dengan kadar dua harakat  Ayat 4, surah al-Fatihah
Tanda Wau dan Ya kecil.	<p>(1) Pertama, apabila 'ha dhamir' bertemu dengan alif, hukum tajwidnya ialah mad shilah Thowilah. Panjang bacaan empat hingga enam harakat.</p> <p>Huruf 'ha dhamir' ialah 'ha' simpul (marbuttoh) sebagai ganti nama diri yang bermaksud <i>nya</i>. Meski jika tidak diletakkan tanda wau atau ya kecil selepas huruf 'ha dhamir' itu, seseorang yang mahir dalam al-Quran masih dapat membezakan panjang bacaannya (sama ada membaca dengan satu, dua, empat atau enam harakat).</p> <p>Dalam contoh yang dinyatakan di bawah, terdapat dua-dua contoh yang melibatkan hukum tajwid berkaitan 'ha dhamir'. Pengecamannya dipermudahkan dengan meletakkan tanda 'wau' dan 'ya' kecil selepas huruf 'ha dhamir' tersebut. Jika 'ha dhamir' berbaris di bawah (kastroh) maka tanda wau kecil menyusul selepasnya. Jika 'ha dhamir' berbaris di hadapan (dhommah) maka ya kecil menyusul selepasnya.</p>  Ayat 152, surah aali-Imran

- (2) **Kedua**, apabila 'ha dhamir' bertemu dengan selain daripada huruf alif, hukum tajwidnya ialah **mad shilah qashirah**. Panjang bacaan dua harakat.

يَلُؤْنَ

Ayat 78, Aali-'Imran

تَلُؤْنَ

Ayat 153, Aali-'Imran

وَاللَّهُ يُحْيِي وَيُمِيتُ

Ayat 156, Aali-'Imran

Kalimah-kalimah yang ditunjukkan di atas dan seumpamanya mestilah dibaca dengan dua harakat iaitu menepati kaedah panjang bacaan mad asli.

Tanda 'shifr' ʾ

- (1) **Bacaan washol.**

Huruf alif dihapuskan (dimansuhkan) fungsinya dan panjang bacaan satu harakat seolah-olah tiada huruf alif yang menjadikannya seperti hukum mad asli.

- (2) **Bacaan waqaf.**

Sekiranya kita berhenti pada kalimah yang hurufnya berakhir dengan huruf alif bertanda 'shifr' ini, maka bacaannya menjadi dua harakat, iaitu alif tersebut berfungsi sebagaimana fungsi alif yang membentuk hukum mad asli.

Contoh 1:

وَأَكْوَابٍ كَانَتْ فَوَارِيرًا ﴿١٥﴾ فَوَارِيرًا

مِنْ فِضَّةٍ قَدَرُوهَا تَقْدِيرًا ﴿١٦﴾

Ayat 15 dan 16, al-Insan.

Dalam contoh di atas, pada ayat 15, kalimah 'qawaarira' dibaca dengan kadar dua harakat (iaitu 'qawaariiraa') sekiranya kita membaca secara waqaf. Sebaliknya jika ayat 15 dibaca secara washol, kalimah 'qawariira' dalam dibaca dengan kadar satu harakat (iaitu 'qawaariira'). Begitu juga halnya dengan kalimah yang sama dalam ayat 16.

Contoh 2:

Seterusnya mari kita lihat keadaan-keadaan yang biasanya terdapat pada kalimah 'ana'. Jika kalimah ana yang bermaksud saya seperti di dalam ayat 4 surah al-Kaafiruun ini, kadar bacaannya ialah satu harakat (iaitu ana-'aabadun) **sebaliknya** jika diwaqafkan pada kalimah ana, bacaan ana dibaca dengan kadar dua harakat (iaitu ana).

وَلَا أَنَا عَابِدٌ

Ayat 4, al-Kaafiruun

(3) Tanda 'shifr' berada pada huruf wau

Keadaan bacaan sama seperti keadaan (1) (tetapi di sini huruf wau dihapuskan) di atas kerana tidak ada kalimah yang berakhir dengan huruf wau. Biasanya bagi kalimah yang mengandungi huruf wau yang bertanda 'shifr' terletak pada awal-awal kalimah seperti contoh yang ditunjukkan.

وَأُولُوا الْعِلْمِ

Ayat 18, surah Aali-'Imraan

Dibaca wa-ulul-'ilmi **bukannya** wa-uulul-'ilmi

1 harakat bukan 2 harakat

وَأُولَاتُ الْأَحْمَالِ

Ayat 4, surah Ath-Thalaaq.

Dibaca wa-ulaatul-ahmaali **bukannya** wa-uulaatul-ahmaali.


أُولَئِكَ

Ayat 5, surah al-Baqarah.

Dibaca ulaa-ika bukan uulaa-ika

Di sini lafaz laa dibaca dengan kadar 4 - 6 harakat. Perbincangan tentang perkara ini akan dicoretkan pada pelajaran-pelajaran akan datang.


لِشَآءٍ kalimah ini mengandungi alif hazaf iaitu alif yang bertanda 'shifr'. Ia dibaca dengan mengabaikan fungsi alif seolah-olah kalimah itu ditulis seperti:



" lisyai-in "

Ayat 23 surah al-Kahfi.

Tanda rombus



Bacaan dengan cara memuncungkan bibir sebagai mengambil iktibar terhadap perlakuan biadap saudara kandung nabi Yusuf kepada nabi Yaakub. Betapa al-Quran memiliki seni bacaan yang tersendiri.


(1) Cuba sebut..... *ta' manuunaa* (disebut dengan memuncungkan mulut apabila sampai pada suku-kata 'nuu').

(2) Kemudian sebut pula *ta'mannaa*.

Jika disebut secara biasa-biasa, bibir kita berada pada kedudukan biasa, iaitu dalam keadaan kedua-dua bibir tidak berkatup dan leper. Bacaan Isymam dibuat dengan memuncungkan bibir ketika menyebut suku-kata '*mannaa*'.

Alif Hamzah qatho'

Qatho' dalam ilmu tajwid merujuk kepada huruf alif yang berbaris tunggal sama ada fathah (baris di atas), katsroh (baris di bawah), dhommah (baris di hadapan) atau tanwin (baris dua).



Membaca kalimat yang mempunyai alif hamzah qatho' ialah dengan cara membunyikan bacaan dengan jelas mengikut baris yang terdapat padanya tanpa mengubah fungsi baris.


i.a. Membunyikan alif hamzah qatho' yang berbaris tunggal.

Baris Fathah bunyinya - 'a', Katsroh - 'i' atau sama seperti anda menyebut huruf 'e'. Manakala dhommah - 'u', sebut 'u' seperti sebutan baku perkataan 'ulat'.

i.b. Membunyikan alif hamzah qatho' yang bertanda tanwin.

Baris Fathataini (baris dua di atas) - bunyinya 'an'. Baris Katsratani (baris dua di bawah) - bunyinya 'in'. Manakala dhommataini (baris dua di hadapan) 'un' seperti anda menyebut perkataan Inggeris *own*

Alif Hamzah Washol



Huruf Alif Hamzah Washol (AHW) ditemui dalam al-Quran pada tiga tempat sama ada pada kalimat yang menunjukkan perkataan itu merupakan


- (i) Isim Makrifah
- (ii) Isim Isyarah
- (iii) fiil Amar.



- (i) **Isim Makrifah** ialah kata nama khas yang dimulai dengan huruf 'alif' dan 'lam' seperti kalimah Alhamdu dalam ayat 2 surah al-Fatihah. Manakala isim isyarah ialah kata nama rujukan yang bermaksud 'orang yang' seperti Alladzi, allati, Allaa-i, dll. Dan kalimah fiil amar merupakan kata perintah yang terbit daripada perkataan asas kata kerja. Secara umum, huruf AHW hanya **dinampakkan fungsinya** apabila mengibdakkan (memulakan) bacaan pada kalimah yang mempunyai AHW. **Menampakkan fungsi** bermaksud membariskan huruf AHW ketika membaca. Sebaliknya apabila bacaan dibaca secara sambung, fungsi itu dinafikan seolah-olah huruf AHW tidak wujud.

Dalam pelajaran ini, perbincangan akan ditumpukan kepada cara membaca kalimah isim makrifah.

Apabila bacaan



(i.a) diibdad (dimulakan) dengan kalimah ini, secara automatik huruf AHW ditanda dengan baris fathah seperti contoh kalimah *al-hamdu*. Makanyanya apabila memulakan ayat kedua ini (tanpa menyambung dari ayat 1) bacaannya menjadi *alhamdu* bukan *ilhamdu* atau *ulhumdu*.

(i.b) disambung dari ayat sebelumnya, secara automatik fungsinya dihilangkan. Bacaannya menjadi (dengan mengambil contoh lengkap ayat 1 dan 2 surah al-Fatihah) - '*Bismillaahirrahmaanirrahii**milhamdu**lillaahi.....*'. Perhatian: Di sini bunyi huruf miim yang bertanda katsrah dimasukkan secara terus ke dalam huruf lam mati pada kalimah *al-Hamdu*. Kebanyakan orang yang tidak faham kaedah ini akan membaca '*Bismillaahirrahmaanirrahii**mi-alhamdu**lillaahi.....*' dan bacaan seperti kurang tepat.

- (ii) **isim isyarah** kaedahnya sama sahaja iaitu meletakkan baris fathah ketika memulakan (ibtida') bacaan dengan kalimah tersebut. Contoh yang ditunjukkan di bawah membincangkan kedua-dua kaedah pembacaan bergantung kepada kedudukan kalimah **isim isyarah** di dalam sesuatu ayat.



Bagi contoh (a) dan (b), kalimah-kalimah **isim isyarah** (yang bergaris) terletak di permulaan ayat. Maka bacaannya menjadi (a) *Alladziina* (b) *Allatii*, manakala contoh (c) dan (d) merujuk kepada kalimah **isim isyarah** di pertengahan ayat. Apabila berada di pertengahan ayat dan bacaannya dalam keadaan washol (disambung dari kalimah sebelumnya), fungsi AHW ditiadakan. Maka bacaan bagi (c) *illal-laaaii*, dan (d) *huwal-ladzii*; masing-masing.

- (iii) **fiil amal** pula, huruf pertama ialah AHW, huruf kedua berbaris sukun (mati) atau syaddah, manakala huruf ketiga berbaris fathah (atas), katsrah (bawah) atau dhommah (depan).

Kaedah menampakkan fungsi AHW pada kalimah fiil Amar mengikut ketetapan ini:

(i) Sekiranya huruf ketiga dalam kalimah itu berbaris fathah atau katsrah, alif ditanda dengan baris katsrah.

(ii) Sekiranya huruf ketiga dalam kalimah itu berbaris dhommah, alif ditanda dengan baris dhommah.

Sebagai contoh kita lihat permulaan ayat-ayat 2 surah al-Munafiqun (kalimah yang sama terdapat pada ayat 31 surah At-Taubah), ayat 1 surah Al-Anbiyaa, ayat 41 surah At-Taubah dan ayat 9 surah Yusuf. Contoh ini dikemukakan kerana kalimah-kalimah tersebut terletak di permulaan ayat, dan biasanya dibaca dengan mengibda'kan (memulakan) bacaan dengan kalimah tersebut.

أَتَّخَذُوا	Kaedah (i)
Dibaca itta-khadzuu - ayat 2 Al-munafiqun	
أَقْتَرَبَ	Kaedah (i)
Dibaca iqtaroba - ayat 1 Al-Anbiyaa	
أَنْفِرُوا	Kaedah (i)
Dibaca infiruu - ayat 41 At-Taubah	
أَقْتُلُوا	Kaedah (ii)
Dibaca uqtuluu - ayat 9 Yusuf	

Sekiranya bacaan washol, bunyi huruf sebelumnya dimasukkan terus ke dalam huruf kedua dalam kalimah fiil Amar, contohnya:

أَوْ أَطْرَحُوهُ

Dibaca Awithrohuu - ayat 9 Yusuf

لَانْفُضُوا

Dibaca Lanfadh-dhuu - ayat 159 Ali- 'Imran

- (iv) **Tanwin.** Dalam perbincangan ini, mari kita lihat kaedah untuk membaca kalimah yang berakhir dengan huruf bertanwin (baris dua), selepasnya terdapat kalimah yang bermula dengan huruf AHW. **Perhatian:** Fungsi yang dibincangkan ini khusus sekiranya bacaan dibaca dalam keadaan washol (sambung).

Tanwin setara dengan gabungan huruf berbaris tunggal dengan *nun sukun* (mati). Apabila kalimah yang berakhir dengan huruf bertanwin,

(i) huruf nun sukun dihidupkan dan dibariskan dengan baris katsrah (bawah) secara automatik.

(ii) sekiranya kalimah tersebut berakhir dengan huruf alif, maka huruf alif tersebut dinasakkan (dimansuhkan) dan huruf sebelum alif digabungkan terus dengan nun sukun, nun sukun dibariskan seperti perkara (i) di atas.

عَزِيْرُ ابْنِ اَللّٰهِ

Ayat 30, At-Taubah

بِرَبِيْعَةِ الْكَوٰكِبِ


Ayat 6, Ash-Shaaffaat

خَيْرٌ اَهْبِطُوْا

Ayat 61, Al-Baqarah

(i)

Bagi kaedah bagi perkara (i), kita ambil contoh dalam ayat 30 surah At-Taubah. Dalam ayat ini, kita dapati kalimah 'uzairun bertemu dengan kalimah *ibnu*, maka bacaannya menjadi 'uzairunibnullaahi. Bagi ayat 6 surah Ash-Shaaffaat, bacaannya menjadi *bizinatinilkawaakib*. Manakala dalam ayat 61 surah Al-Baqarah, bacaannya menjadi *khairunihbithuu*.




Bagi kaedah (ii) pula, kita lihat contoh dalam ayat 164 dan 177 surah al-A'raaf. Kalimah *qau¹man* dan *Allaahu* dibaca *qau¹manillaahu* (**ma-1 harakat**) bukan *qama¹nillaahu*. Manakala dalam ayat 177, ia dibaca *matsalanilqawmu* (**la-1 harakat**).

(v) Bacaan Naqal.

Naqal maknanya pindah. Sebelum alif hamzah washol terdapat alif lam qamariah. Pindahan itu dibuat dengan memindahkan baris katsrah pada alif hamzah washol dalam kalimah ismi kepada lam sukun (mati). Menurut riwayat Hafs, terdapat satu tempat sahaja bacaan naqal dalam al-Quran iaitu pada ayat 11 surah al-Hujurat.

Untuk makluman menurut qiraat lain seperti Wars, bacaan naqal terdapat pada banyak tempat. Memandangkan saya tidak belajar secara khusus ilmu qiraat lain, maka saya tidak boleh memperturunkan ilmu qiraat selain bacaan Lafz Imam al-'Ashim iaitu anak murid Imam Hafs. Qiraat yang sedang dibincangkan oleh kita selama ini ialah Qiraat Lafz al-'Ashim.



kalimah "*bi'sa* dan *al-Ismu*" dalam ayat 11 surah al-Hujurat. Kebanyakan orang biasanya membaca "*bi'sal - ismu*" sedangkan **bacaan yang sebetulnya** "*bi'salismu*".


Alif Lam

Alif Lam **merujuk** kepada kalimah isim makrifah iaitu setiap kalimah yang bermula dengan huruf 'alif hamzah washol' dan 'lam'.

Terdapat **dua kategori** hukum bacaan iaitu

1. **Alif lam Qamariyah**
2. **Alif lam Syamsiah**

Bagi tujuan perbincangan, mari kita teliti surah Asy-Syams



Jika diperhatikan ayat-ayat di atas, kalimah yang bergaris biru mewakili kategori (1) manakala kalimah bergaris hijau mewakili kategori (2).

Menyebut kalimah dalam kategori (1)

Bunyi lam sukun dizahirkan, iaitu dengan menyebut *wal-qamari*, *wal-Ardhi*.

Menyebut kalimah dalam kategori (2)

Bunyi baris huruf sebelum kalimah yang mempunyai huruf alif lam dimasukkan terus ke dalam huruf ketiga. Iaitu menguatkan bacaan (syaddah) seperti *wasy-syamsi* (bukan *wal syamsi*), *wannahaari* (bukan *wal-nahaari*), *wallaili*, *was-samaai*.

Manakala kalimah yang bergaris merah tidak termasuk dalam kategori alif lam kerana alif hamzah qatho' terdapat dalam kalimah tersebut.

lafzu al-jalalah

Terdapat satu kalimah yang disebut lafzu al-jalalah iaitu kalimah Allah. Gaya penulisan resam Uthmani, kalimah Allah ditulis tanpa meletakkan tanda alif kecil di atas huruf lam yang kedua. Sedangkan bacaan kalimah ini adalah pada kadar dua harakat (1 alif). Hal ini kerana sistem penulisan resam Uthmani menerima ketetapan bahawa setiap orang mesti faham dan tahu, kalimah Allah dibaca dengan kadar dua harakat pada sebutan Lam yang kedua.

Kalimah Allah @ lafzu al-Jalaalah (lafzul Jalaalah).

Pada asalnya huruf lam bersifat tarqiq (nipis) kerana huruf lam tergolong dalam kategori huruf *istifal*. *Istifal* bermakna huruf-huruf dalam kumpulan yang lemah. Maka huruf *istifal* tidak boleh dibaca tafkhim (tebal) kecuali pada kalimah **Allah**.

Terdapat dua cara bacaan atau penyebutan bagi kalimah ini.

i. at-Tafkhim (tebal)

iaitu kalimah Allah disebut dengan tebal apabila huruf sebelum kalimah 'lafzul jalaalah' ini berbaris fathah (baris di atas) dan dhommah (berbaris di hadapan). seperti menyebut *Abdullah*, *atau masyaaAllah*, *rasulullah* dan lain-lain.

ii. at-Tarqiq (nipis)

dilembutkan bunyi pada huruf lam yang kedua apabila huruf sebelum kalimah 'lafzul jalaalah' berbaris katsrah (di bawah). seperti membaca *Bismillaahi*, *'indillaahi*, *lighairillaahi*, *qullaahumma*, dan lain-lain.